

IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN

Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH) dengan ini mempelawa calon-calon warganegara Malaysia yang berkelayakan dalam bidang-bidang yang berkaitan untuk mengisi kekosongan jawatan-jawatan seperti berikut:

BIL	NAMA JAWATAN	GRED	KEKOSONGAN
1	PENSYARAH	GRED DM41/DM45	6 ORANG
2	KAUNSELOR	S41	1 ORANG
3	PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT	F41	1 ORANG
4	PENJAGA JENTERA ELEKTRIK	J19	1 ORANG <i>(Lelaki sahaja)</i>
5	PEMBANTU TADBIR	N19	2 ORANG

JAWATAN 1

1. (a) Jawatan : PENSYARAH (DM41 / DM 45)
(b) Jabatan : i) JABATAN MUAMALAT
ii) JABATAN PENDIDIKAN DAN PENGAJIAN UMUM
KOLEJ PENGAJIAN ISLAM JOHOR (MARSAH)
(c) Kumpulan Perkhidmatan : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
(d) Klasifikasi Perkhidmatan : PERKHIDMATAN PENDIDIKAN

2. Jadual Gaji

GAJI MINIMUM (DM 41)	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
RM2,290.00	RM9,552.00	RM225.00

GAJI MINIMUM (DM 45)	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
RM3,070.00	RM11,095.00	RM255.00

3. Syarat Lantikan :

- i. Ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; ATAU
- ii. Ijazah Sarjana dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; ATAU
- iii. Ijazah Sarjana dalam bidang berkaitan dari universiti-universiti tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dan berpengalaman mengajar di peringkat universiti selama 5 tahun;
- iv. Mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang berkenaan.
- v. Membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang istimewa mutunya; DAN
- vi. Keutamaan diberikan kepada mereka yang fasih Berbahasa Arab & Bahasa Inggeris

4. Deskripsi Tugas :

Bertanggungjawab memberi syarahan, menyelia projek tesis dan mengurus kerja-kerja amali/tutorial/menyediakan nota-nota kuliah/ manual makmal, menyemak/menyediakan kurikulum/silibus, melibatkan diri dalam kerja-kerja penyelidikan dan menjalankan usaha-usaha pembangunan pelajar.

JAWATAN 2

1. (a) Jawatan : KAUNSELOR (S41)
(b) Jabatan : BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR
KOLEJ PENGAJIAN ISLAM JOHOR (MARSAH)
(c) Kumpulan Perkhidmatan : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
(d) Klasifikasi Perkhidmatan : PERKHIDMATAN SOSIAL
2. Jadual Gaji

GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
RM2,078.00	RM9,544.00	RM225.00

3. Syarat Lantikan :
 - i. Ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang psikologi, psikologi klinikal atau kaunseling yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
 - ii. Ijazah sarjana muda kepujian dalam dalam bidang sains tingkahlaku beserta Diploma Psikologi Kaunseling yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
 - iii. Ijazah sarjana dalam bidang psikologi, psikologi klinikal atau kaunseling yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
 - iv. Ijazah doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Psikologi, Psikologi Klinikal atau Kaunseling yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

4. Deskripsi Tugas :

Bertanggungjawab merancang, melaksana dan menyelaraskan aktiviti-aktiviti berkaitan bidang psikologi/ psikologi klinikal/ kaunseling kepada pelanggan.

JAWATAN 3

1. (a) Jawatan : PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT (F41)
(b) Jabatan : BAHAGIAN KHIDMAT ICT
KOLEJ PENGAJIAN ISLAM JOHOR (MARSAH)
(c) Kumpulan Perkhidmatan : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
(d) Klasifikasi Perkhidmatan : SISTEM MAKLUMAT

2. Jadual Gaji

GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
RM2,315.00	RM9,618.00	RM225.00

3. Syarat Lantikan :

- i. Ijazah Sarjana Muda kepujian dalam bidang sains komputer dan teknologi maklumat atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- ii. Ijazah sarjana muda kejuruteraan dalam bidang komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- iii. Ijazah sarjana dalam bidang sains komputer, teknologi maklumat, kejuruteraan komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- iv. Ijazah doktor falsafah (PhD) dalam bidang sains komputer, teknologi maklumat, kejuruteraan komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

4. Deskripsi Tugas :

Bertanggungjawab mengkaji dan menganalisis kemungkinan kesesuaian sistem komputer yang sedia ada dan seterusnya mereka bentuk, membangun, melaksana, menyelenggara serta mengkaji semula sistem pemprosesan data dan maklumat bersesuaian dengan kegunaan jabatan.

JAWATAN 4

1. (a) Jawatan : PENJAGA JENTERA ELEKTRIK (J19)
(b) Jabatan : BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN KOLEJ PENGAJIAN ISLAM JOHOR (MARSAH)
(c) Kumpulan Perkhidmatan : PELAKSANA
(d) Klasifikasi Perkhidmatan : PERKHIDMATAN KEJURUTERAAN
2. Jadual Gaji

GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
RM1,377.00	RM4,052.00	RM100.00

3. Syarat Lantikan :
- i. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
- a. warganegara Malaysia;
 - b. berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - c. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta sekurang-kurangnya Sijil Kekompetenan Kategori A0 (Sistem Voltan Rendah) yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- Gaji permulaan di Gred J19 akan ditetapkan mengikut Kategori Sijil Kekompetenan:
- A0/A1
 - A4-2/A4-1/A4
 - B0-2/BO-1/B0/B1/B4
- ii. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran

Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. Deskripsi Tugas :

Bertanggungjawab melaksanakan skop tugas penyenggaraan dan operasi ke atas sistem pemasangan elektrik dengan memastikan tatacara/prosedur keselamatan adalah sentiasa dipatuhi bagi memenuhi keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 dan Peraturan-Peraturan Elektrik 1994.

JAWATAN 5

1. (a) Jawatan : PEMBANTU TADBIR (N19)
(b) Jabatan : i) BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR
ii) PUSAT TAFFAQUH DAN PROFESIONALISME
KOLEJ PENGAJIAN ISLAM JOHOR (MARSAH)
(c) Kumpulan Perkhidmatan : PELAKSANA
(d) Klasifikasi Perkhidmatan : PENTADBIRAN DAN SOKONGAN

2. Jadual Gaji

GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
RM1,352.00	RM4,003.00	RM100.00

3. Syarat Lantikan :
- i. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - a. warganegara Malaysia ;
 - b. berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan ; dan
 - c. i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau
ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran

Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan; atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau

iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

ii. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. Deskripsi Tugas :

Menjalankan tugas-tugas perkeranian selaras dengan fungsi tugas Jabatan/Bahagian yang berkenaan seperti tugas-tugas penyelenggaraan fail/dokumen, pengiraan, penyediaan laporan bulanan, statistik serta penyediaan.

SYARAT UMUM PERMOHONAN:

1. Taraf Jawatan

- Semua jawatan bertaraf **TETAP**

2. Kewarganegaraan dan Umur

- Calon-calun hendaklah warganegara Malaysia dan berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup permohonan.

3. Dokumen yang diperlukan

- Salinan sijil akademik (sijil/diploma/ijazah) dan sijil-sijil berkaitan yang telah disahkan oleh pegawai GRED A

4. Cara-cara memohon

- i. Permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan Jawatan Kosong Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH) (*sila muat turun di dalam laman sesawang www.marsah.edu.my*)

- ii. Semua maklumat yang diisi dalam borang hendaklah ditulis dalam HURUF BESAR dengan jelas dan terang.
- iii. Sila hantarkan **permohonan** ke alamat seperti berikut:

**BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN
KOLEJ PENGAJIAN ISLAM JOHOR (MARSAH)
JALAN HEMAN, KG. AMAN, LARKIN JAYA
80350 JOHOR BAHRU
JOHOR DARUL TA'ZIM**

- iv. Sila tuliskan nama jawatan yang dipohon di penjuru sebelah kiri sampul surat anda.

5. Catatan Am

- i. Permohonan yang berikut akan **DITOLAK** :
 - (a) Permohonan yang diterima selepas tarikh tutup
 - (b) Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan
 - (c) Tidak menggunakan borang yang telah ditetapkan
 - (d) Tidak Lengkap atau tidak terang
 - (e) Tidak disertakan dengan dokumen yang diperlukan
 - (f) Tidak ditandatangani.
- ii. Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil temuduga.
- iii. Segala urusan dan perbelanjaan temuduga ini adalah di bawah tanggungan pemohon sendiri.
- iv. Permohonan yang tidak menerima jawapan dalam tempoh tiga (3) bulan selepas iklan jawatan ditutup dianggap tidak berjaya.

6. Tarikh tutup permohonan

- **28 FEBRUARI 2017 (SELASA)**